

**FitUp Sdn Bhd**  
**Polisi Privasi**

FitUp Sdn Bhd (“**FitUp**”) (No. Syarikat: 1281051-H), mengiktiraf betapa pentingnya privasi anda dan kami berkomited untuk melindungi privasi anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Malaysia (“**PDPA**”). FitUp boleh meminda Polisi Privasi ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu dan akan memberitahu anda tentang apa-apa pindaan tersebut melalui laman web FitUp kami, e-mel atau melalui lain-lain cara komunikasi yang sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh FitUp. Polisi Privasi ini akan diberikan kepada anda dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris tidak konsisten dengan versi Bahasa Malaysiannya, terma dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Polisi ini adalah untuk membantu anda memahami:

- Apa jenis data peribadi yang kami kumpul
- Bagaimana kami mengumpul data peribadi anda
- Bagaimana data peribadi anda digunakan
- Kepada pihak mana kami menzahirkan data peribadi anda; dan
- Apa pilihan yang kami tawarkan, termasuk bagaimana untuk mengakses dan mengemaskini data peribadi anda.

**Apa Jenis Data Peribadi yang Kami kumpul**

Kami di FitUp bertujuan untuk memberikan perkhidmatan cemerlang yang selamat dan mudah kepada anda, dan untuk berbuat demikian kami mungkin mengumpul data peribadi yang berikut ini tentang anda yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. Maklumat peribadi untuk memastikan pengenalan diri dan latarbelakang anda seperti:
  - nama penuh
  - sesalinan pasport dan/atau kad pengenalan anda termasuk butir-butir yang didapati dalam dokumen-dokumen tersebut
  - umur
  - kewarganegaraan
2. Maklumat hubungan peribadi anda seperti:
  - alamat rumah,
  - nombor telefon rumah dan/atau pejabat
  - nombor telefon bimbit
  - nombor faks
  - alamat e-mel
3. Maklumat pembayaran anda seperti:
  - maklumat kad debit atau kredit, yang adalah termasuk nama pemegang kad, nombor kad, alamat untuk bil, tarikh luput dan kod keselamatan
  - butir-butir akaun bank, yang adalah termasuk nama bank dan nombor (nombor-nombor) akaun bank
4. Maklumat transaksi seperti:
  - butir-butir barang/perkhidmatan yang sedang dibuat transaksi
  - nilai transaksi
  - amaun pembayaran
  - alamat penghantaran dan alamat pengembalian
5. Maklumat perniagaan anda seperti:
  - nama dan nombor perniagaan/syarikat
  - salinan borang-borang pendaftaran perniagaan anda

- maklumat pembayaran perniagaan, butir-butir kad kredit dan akaun perbankan
  - maklumat hubungan perniagaan seperti alamat premis, nombor telefon, nombor faks dan e-mel
6. Ringkasan maklumat peribadi atau CV apabila anda memohon kerja dengan kami;
  7. Data pelayaran anda yang mana apabila melayari laman web, aplikasi mudah alih FitUp, kami mungkin menangkap maklumat teknikal dan statistik yang tertentu melalui penggunaan *cookies*;
  8. Merekodkan panggilan yang dibuat oleh anda kepada perkhidmatan-perkhidmatan pelanggan kami;
  1. Sekiranya anda memberikan kami apa-apa data peribadi berkaitan dengan suatu pihak ketiga (contohnya maklumat pasangan, anak-anak, ibu bapa, dan/atau pekerja-pekerja anda), anda merepresentasikan kepada kami bahawa anda telah mendapatkan persetujuan pihak ketiga tersebut untuk memberikan kepada kami data peribadi mereka bagi tujuan-tujuan sepertimana yang disenaraikan di bawah ini;
  1. Apa-apa maklumat tambahan berkaitan dengan anda yang anda berikan kepada kami melalui penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan pada laman-laman web dan aplikasi mudah alih tersebut.

#### **Bagaimana Kami Mengumpul Data Peribadi Anda**

Data peribadi anda boleh diperolehi secara terus daripada anda, daripada wakil-wakil anda yang sah dan/atau daripada pelbagai sumber termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

1. apabila anda mendaftar suatu akaun pengguna dengan FitUp dan menggunakan mana-mana perkhidmatan FitUp
2. apabila anda melayari laman web dan aplikasi mudah alih FitUp
3. apabila anda memulakan hubungan dengan FitUp sama ada melalui komunikasi lisan atau bertulis (contohnya apabila membuat pertanyaan, aduan, komen atau maklum balas)
4. apabila anda menyertai apa-apa kaji selidik, soal selidik, peraduan, pertandingan, tawaran atau promosi-promosi yang dilakukan secara dalaman atau melalui pihak ketiga yang dilantik
5. apabila anda memulakan suatu hubungan perniagaan dengan kami
6. apabila anda berinteraksi dengan FitUp melalui platform media sosial termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook, Twitter, dan Instagram
7. daripada sumber-sumber lain yang sedemikianya yang mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk penzahiran data peribadi berkaitan dengan anda, dan/atau jika sebaliknya dibenarkan dari segi undang-undang.

#### **Bagaimana Data Peribadi Anda Digunakan**

Dengan menyetujui terma-terma Polisi ini, anda merepresentasikan bahawa kami boleh menggunakan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang berikut ini, antara lainnya:

- untuk memproses pendaftaran akaun pengguna anda di FitUp dan untuk mengenalpasti pengenalan diri anda
- untuk menguruskan dan menyenggara akaun anda di FitUp
- untuk memberitahu anda tentang apa-apa perubahan dan kemaskini kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh FitUp, untuk memberitahu anda tentang apa-apa perubahan kepada Polisi Privasi dan Terma-terma dan Syarat-syarat Penggunaan FitUp
- untuk mematuhi apa-apa obligasi undang-undang atau pengawalseliaan di bawah undang-undang, peraturan-peraturan dan garis-garis panduan yang termaktub yang terpakai kepada FitUp atau jika diperlukan oleh undang-undang untuk FitUp menzahirkan data peribadi anda

- untuk memudahkan pentadbiran, operasi dan pengurusan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan atau yang diproses selanjutnya untuk memberi kesan kepada transaksi komersial sepertimana yang mungkin diperlukan oleh anda;
- untuk memudahkan pembayaran kepada dan daripada anda, dan menjalankan pemerosesan pembayaran termasuk membuat bil, pembayaran luaran dan sistem-sistem perakaunan
- untuk memenuhi keperluan-keperluan audit
- untuk bertindak balas kepada apa-apa pertanyaan, aduan, komen atau maklum balas yang anda telah kemukakan kepada kami
- untuk melindungi atau menguatkuasakan hak kami untuk mendapatkan semula apa-apa jumlah yang terhutang kepada kami
- untuk mengumpul maklumat untuk analisis dan melaporkan kepada pihak-pihak berkuasa kawalselia yang berkenaan
- untuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah apa-apa perjanjian anda dengan kami
- untuk menjalankan peraduan, pertandingan, tawaran, promosi, kaji selidik, soal selidik yang kami rasa mungkin relevan dengan anda dan jika anda telah memberikan persetujuan untuk dihubungi bagi tujuan-tujuan tersebut
- untuk menghasilkan data, laporan dan statistik tanpa nama atau dikumpulkan dalam cara yang tidak mengenali anda sebagai seorang individu yang khusus
- untuk menjalankan carian bagi tujuan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada mencari data dan menganalisis transaksi anda dengan kami
- untuk mengekalkan rekod-rekod yang diperlukan untuk keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang yang lain.
- untuk memberikan latihan untuk kakitangan kami
- untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran dan teknologi maklumat (contohnya, carian pasaran)
- kepada orang-orang yang telah dikenali sebagai anda atau wakil (wakil-wakil) sah anda menurut, bagi tujuan transaksi atau pertanyaan yang berkenaan
- kepada pihak-pihak ketiga yang mana kami telah membuat kontrak untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kami (seperti analisis bagi pihak kami) untuk apa-apa tujuan yang diperihalkan di atas. Jika kami menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga, kami akan memastikan bahawa data tersebut hanya digunakan untuk memberikan perkhidmatan kepada kami
- untuk menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan pencegahan pengubahan wang haram; untuk pengesanan jenayah, siasatan, pencegahan dan pendakwaan; untuk mematuhi apa-apa keperluan sekatan (*sanction*);
- untuk menguatkuasakan dan/atau mempertahankan mana-mana hak kami; dan/atau
- untuk apa-apa tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawalselia yang berkenaan.

### **Kepada Pihak Mana Kami Menzahirkan Data Peribadi Anda**

Mungkin terdapatnya situasi di mana kami perlu menzahirkan maklumat tertentu tentang diri anda kepada pihak-pihak ketiga seperti berikut, yang adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- kerajaan persekutuan dan negeri, pihak kementerian dan agensi kerajaan
- agensi penguatkuasaan dan pengawalselia undang-undang
- syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi yang bertindak sebagai ejen, kontraktor, penjual, pembekal, pemberi perkhidmatan atau jururunding profesional
- syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi yang membantu kami dalam memproses transaksi dan pembayaran serta sekutu-sekutu perniagaan dan lain-lain pihak bagi tujuan yang berkaitan dengan tujuan mengumpul dan menggunakan data peribadi anda
- pihak-pihak lain berkenaan dengan yang mana anda telah memberikan persetujuan nyata atau tersirat anda

### **Jika Data Peribadi yang Diberikan oleh Anda Tidak Lengkap**

Untuk memproses permohonan anda dan melayakkan diri untuk perkhidmatan-perkhidmatan FitUp anda perlu memberikan kami data peribadi yang tepat dan lengkap yang mana jika gagal kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda dan/atau memberikan kepada anda perkhidmatan-perkhidmatan kami.

### **Hak Anda untuk Mengakses dan Membetulkan Data Peribadi Anda**

Jika anda ingin mengakses atau melihat butir-butir data peribadi anda yang dipegang oleh kami, atau jika anda ingin kami membuat pembetulan dalam data peribadi anda, anda boleh membuat suatu permintaan kepada kami dengan menulis kepada Sokongan Pelanggan di [support@fitup.my](mailto:support@fitup.my).

### **Berapa Lama Kami Akan Menyimpan Data Peribadi Anda**

Kami akan menyimpan data peribadi anda sebagai mematuhi Polisi ini dan/atau terma-terma dan syarat-syarat perjanjian (perjanjian-perjanjian) anda dengan FitUp sepanjang hubungan anda dengan kami, atau untuk tempoh yang sedemikianya sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan-kepentingan FitUp atau sebaliknya jika diperlukan oleh undang-undang.

### **Bagaimana Kami Melindungi dan Menjaga Data Peribadi Anda**

Kami berusaha untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda dan memastikan data peribadi anda dilindungi. Mungkin terdapatnya situasi di mana anda ditautkan dengan laman-laman web luaran semasa menggunakan FitUp, kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk polisi, prosedur atau kandungan data laman-laman web luaran ini.

### **Pemindahan Data Peribadi Anda Di Luar Malaysia**

Jika sekiranya data peribadi anda perlu diproses oleh entiti-entiti di luar Malaysia, atau jika mana-mana pemberi perkhidmatan atau rakan kongsi perniagaan kami yang terlibat dalam memberikan sebahagian daripada perkhidmatan-perkhidmatan FitUp terletak dalam negara-negara di luar Malaysia, anda dengan ini bersetuju untuk kami memindahkan data peribadi anda di luar Malaysia dalam keadaan-keadaan ini. Langkah-langkah munasabah akan diambil untuk melindungi data peribadi anda yang mana pemberi-pemberi perkhidmatan dan rakan-rakan kongsi perniagaan ini tidak akan menggunakan data tersebut untuk apa-apa sebab melainkan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang mana mereka dikontrakkan untuk memberinya.

### **Persetujuan Anda**

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju terhadap penggunaan data peribadi itu sepertimana yang dinyatakan dalam Polisi ini. Jika anda telah menunjukkan persetujuan anda untuk menerima kemaskini pemasaran atau promosi daripada FitUp, anda bersetuju terhadap penggunaan data peribadi itu sepertimana yang dinyatakan dalam Polisi ini. Anda boleh memilih untuk tidak menerima bahan pemasaran atau promosi tersebut pada bila-bila masa jua pun. Anda boleh memilih opsyen 'tidak melanggan' yang diberikan dalam e-mel atau menghubungi FitUp menggunakan butir-butir yang diberikan di bawah ini.

### **Butir-butir Hubungan Kami**

Jika anda mempunyai soalan-soalan atau komen-komen tentang penggunaan data peribadi anda oleh FitUp, atau jika anda mempunyai apa-apa soalan, komen atau cadangan berkenaan dengan

**02 April 2019**

Polisi ini, sila tulis kepada atau telefon kami di Sokongan Pelanggan di [support@fitup.my](mailto:support@fitup.my) dan kami akan berusaha untuk membantu anda.

*[pengakhiran dokumen]*